

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 7 June 1966 > Page 2 > Fatimah Musa rayu kapada Majlis Bandaran

# Fatimah Musa rayu kapada Majlis Bandaran

Berita Harian, 7 June 1966, Page 2

Article also available on Microfilm Reel NL4471

Add to Citation

Previous Article

Next Article

Previous Page

Next Page

# Fatimah Musa rayu kapada Majlis Bandaran

MENGAPA JANDA WARDER TA' DI-BERI RUMAH MURAH DI-KAMPONG PANDAN? **KUALA LUMPUR, Ithnin**

**PEGAWAI** Kebajikan Masharakat Selangor, Che Fatimah Musa menyatakan kesal-nya kepada pehak munisipal Kuala Lumpur kerana tidak dapat memberi sa-buah rumah murah di-Kampung Pandan di-sini untok Che Aminah dan anak2-nya.

Kata Che' Fatimah, sa-balek-nya pehak munisipal patut memberi keutamaan ka-nda keluarga itu un-

Information



Newspaper: Berita Harian

Date: 7 June 1966

Reel Number: NL4471

Scroll to Top

Share



Table of Contents

< Previous

Page 2

Next >

## PPR BATANG PADANG MEROSOTBEKAS AHLI

PPR BATANG PADANG MEROSOT BEKAS AHLI SUNGAI MANEK (Perak), Ithnin. —Parti Progresif

## Menjual tiket wayang: \$150

Menjual tiket wayang: \$150 PULAU PINANG, Ithnin. — Sa-orang belia berumur 22 tahun, P. Rukumani, hari ini

## Sambutan keputeraan Seri Paduka meriah

Sambutan keputeraan Seri Paduka meriah p K. LUMPUR, Ithnin SAMBUTAN hari keputeraan Yang di-

View Full Table of Contents

tok mendapatkan sa-  
buah rumah di-kam-  
pong tersebut.

Beliau berkata dem-  
kian sa-bagai mengulas  
kenyataan Pesuruhjaya  
Ibukota, Tuan Haji Is-  
mail bin Panjang Aris  
dalam akhbar ini hari  
Rabu minggu lalu.

## *Pemutus*

"Saya kesal kerana  
Tuan Haji Ismail tidak  
dapat memberi kata pe-  
mutus sama ada Che Ami-  
nah akan di-beri rumah  
di-Kampong Pandan atau  
tidak," kata-nya.

"Pada hal beliau sendi-  
ri pernah memberi  
pengakuan untok menim-  
bangkan perkara terse-  
but sekira-nya Che Ami-  
nah membuat perminta-  
an-nya."

Tuan Haji Ismail juga,  
kata-nya, pernah mene-  
gaskan supaya Jabatan  
Kebajikan Masharakat  
Selangor dapat memban-  
tu mengisikan borang  
permintaan rumah itu.

Menurut-nya, baharu2  
ini beliau pernah meng-  
arahkan sa-orang pega-  
wai-nya untok mengam-  
bil borang permohonan  
rumah kepada pehak mu-  
nicipal, tetapi tidak ber-  
hasil.

Tegas Che Fatimah,  
pemohonan rumah murah  
Kampong Pandan telah  
di-tutup sejak bulan  
March yang lalu.

Biar bagaimana pun,  
beliau maseh mengharap-  
kan supaya Tuan Haji Is-  
mail dapat memberi per-  
timbangan yang teliti ter-  
hadap penderitaan yang  
sedang di-hadapi oleh  
keluarga Che Aminah se-  
karang.

Che Fatimah yakin ke-  
luarga tersebut boleh  
membayar ansoran bula-

nan rumah-nya jika ia  
di-beri rumah di-kam-  
pong tersebut.

"Anak perempuan Che

Aminah telah pun mendapat kerja tetap di-Petaling Jaya," sambungnya.

"Saya harap Tuan Haji Ismail dapat memberi pertimbangan yang saksama terhadap rayuan saya ini dan pehak saya sedia menulong Che Aminah untok membuat permintaannya," tegasnya.

### **Menumpang**

Che Aminah yang kematian suami-nya, Allahyarham Mat Jedi, bekas warder penjara Pudu di-sini sekarang menumpang di-barek penjara tersebut.

Che Aminah yang mempunyai 9 orang anak diberi tempoh dua bulan sahaja lagi untok tinggal di-situ oleh pehak penjara.

Empat orang anak-nya maseh bersekolah lagi. Anak perempuan-nya, Rokiah, berumur 17 tahun telah mendapat kerja dengan Sharikat Malayan Fibre Containers, Petaling Jaya sejak 1 June lalu.

Che Aminah ingin mendirikan sa-buah pondok dari derma orang ramai kapada-nya.




**CHE AMINAH** ... tempoh tinggal di-barek warder dua bulan lagi.

## Related Articles




No related article found.

National Library Board

[Contact Us](#) [Feedback](#)  [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#)  [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2023 Government of Singapore  
Last Updated 2019-10-29